

23 Oktober 2017

KENYATAAN MEDIA

oleh Dato' Ir. Jaseni Maidinsa,
Ketua Pegawai Eksekutif,
PBA Holdings Bhd (PBAHB) dan
Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP)

KERJA AIR BAGI MENGGANTIKAN METER ALIRAN NRW: GANGGUAN BEKALAN AIR BERJADUAL SEMALAMAN 8 JAM DI TAMAN SERI JURU DAN SEBAHAGIAN TAMAN PERINDUSTRIAN BUKIT MINYAK Hujung Minggu Ini

- **10.00 malam pada hari Sabtu, 28/10/2017 – 6.00 pagi hari Ahad, 29/10/2017.**
- **Menjejaskan: 3,600 pengguna di Taman Seri Juru dan 100 pelanggan-pelanggan perniagaan di Bukit Minyak (kilang).**
- **Sebab: Penggantian meter aliran elektromagnet 600mm untuk membolehkan pengukuran tepat air tanpa hasil (NRW)**

PULAU PINANG, Isnin (23/10/2017): Kerja-kerja air untuk menggantikan meter pengukur air tanpa hasil (NRW) akan dilakukan berhampiran persimpangan Jalan Bukit Minyak dan Jalan Perindustrian Bukit Minyak hujung minggu ini.

Meter aliran elektromagnet 600mm baru akan dipasang untuk mengukur secara tepat kerugian air tanpa hasil (NRW) di Taman Perindustrian Bukit Minyak.

Bagi membolehkan kerja-kerja penggantian meter, Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) perlu “menutup” saluran paip bekalan air 600mm MS (keluli lembut) sedia ada buat sementara waktu di kawasan itu.

Penutupan saluran paip bekalan 600mm ini akan menyebabkan gangguan bekalan air berjadual, bermula jam 10.00 malam pada hari Sabtu, 28/10/2017, sehingga 6.00 pagi hari Ahad, 29/10/2017.

Gangguan bekalan air berjadual ini akan menjejaskan 3,600 penduduk di Taman Seri Juru dan 100 buah kilang di Taman Perindustrian Bukit Minyak.

Sila rujuk peta pada 'Appendix A' yang menunjukkan kawasan yang terjejas.

Pengguna yang terjejas dinasihatkan untuk menyimpan air yang mencukupi untuk kegunaan semalaman.

Kerja penggantian meter telah dijadualkan semalaman, dan pada hujung minggu, untuk meminimumkan ketidakselesaan kepada pengguna. Pemasangan meter aliran elektromagnet 600mm yang baru adalah perlu untuk memastikan pengurusan NRW tepat di Taman Perindustrian Bukit Minyak.

Sila simpan air yang mencukupi untuk kegunaan dari jam 10.00 malam pada hari Sabtu, 28/10/2017 hingga 6.00 pagi hari Ahad, 29/10/2017.

PBAPP memohon maaf di atas kesulitan yang berlaku.

Terima kasih.

Dato' Ir. Jaseni Maidinsa,
Ketua Pegawai Eksekutif,
PBA Holdings Bhd (PBAHB) dan
Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP)

Dikeluarkan oleh : Puan Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Unit Komunikasi Korporat
Tel : 04-200 6607
Email : syarifah@pba.com.my



**REPLACEMENT OF
600MM NRW
FLOW METER**

**TAMAN
SERI JURU**

**A SECTION OF THE
BUKIT MINYAK
INDUSTRIAL PARK**

**BUKIT MINYAK
PUMP HOUSE**

LEBUHRAYA UTARA - SELATAN

JALAN PERINDUSTRIAN BUKIT MINYAK

JALAN BUKIT MINYAK



Appendix 'A':
**WATER WORKS TO REPLACE NRW FLOW METER:
OVERNIGHT 8-HOUR SCHEDULED WATER SUPPLY INTERRUPTION
IN TAMAN SERI JURU AND A SECTION OF THE BUKIT MINYAK
INDUSTRIAL PARK THIS WEEKEND.**

10.00pm on Saturday, 28/10/2017 - 6.00am on Sunday, 29/10/2017.

 **Affected Areas**